



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA DISEMBER 2024

Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat sebanyak 4.6 peratus pada Disember 2024, didorong oleh pengembangan dalam semua sektor

PUTRAJAYA, 7 Februari 2025 – Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat 4.6 peratus pada Disember 2024, dipacu oleh pengembangan dalam kesemua sektor. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Malaysia, Disember 2024** pada hari ini. Indeks ini terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Sektor Pembuatan yang merangkumi 68.3 peratus daripada jumlah indeks, meningkat sebanyak 5.8 peratus, lebih baik daripada 4.6 peratus yang dicatatkan pada November 2024. Pada masa yang sama, sektor Perlombongan pulih dengan mencatatkan positif 0.4 peratus (November 2024: -0.8%). Sektor Elektrik mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.5 peratus (November 2024: 3.9%). Dibandingkan dengan bulan sebelumnya, IPI menurun sebanyak 0.4 peratus daripada pertumbuhan 0.6 peratus pada bulan sebelumnya."

Peningkatan dalam sektor pembuatan terutamanya didorong oleh pengembangan dalam industri berorientasikan eksport pada 6.8 peratus, lebih baik daripada 5.8 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Peningkatan ini sebahagian besarnya disokong oleh pertumbuhan dua angka dalam Pembuatan komputer, elektronik, dan produk optik sebanyak 10.1 peratus (November 2024: 10.2%); diikuti

oleh Pembuatan produk getah pada 11.9 peratus (November 2024: 9.8%). Selain itu, industri Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis berkembang 3.0 peratus (November 2024: 1.1%) dan industri Pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan berkembang 5.3% (November 2024: 3.6%). Perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport menurun 2.4 peratus daripada pertumbuhan 0.3 peratus pada November 2024.

Sementara itu, industri berorientasikan domestik meningkat 3.7 peratus lebih baik berbanding 2.2 peratus pada November 2024. Pertumbuhan ini disumbangkan oleh industri Pembuatan produk prosesan makanan; dan Pembuatan produk logam yang direka kecuali mesin dan kelengkapan, yang masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 8.5 peratus dan 6.0 peratus. Tambahan lagi, Pembuatan minuman meningkat dengan pertumbuhan dua angka sebanyak 11.8 peratus (November 2024: 9.8%). Berbanding dengan bulan sebelumnya, industri berorientasikan domestik menurun 0.4 peratus (November 2024: 2.6%).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, "Pengeluaran dalam sektor Perlombongan pada Disember 2024 memulih 0.4 peratus dipengaruhi oleh peningkatan 5.5 peratus indeks Gas Asli (November 2024: 1.2%), manakala indeks Minyak Mentah dan Kondensat menyusut 7.0 peratus (November 2024: -3.8%). Berbanding dengan bulan sebelumnya indeks Perlombongan meningkat 4.0 peratus berbanding 0.2 peratus yang direkodkan pada November 2024. Sementara itu, penjanaan elektrik berkembang 3.5 peratus tahun ke tahun pada Disember 2024 selepas mencatatkan 3.9 peratus pada bulan sebelumnya. Perbandingan dengan bulan November 2024, indeks Elektrik kembali meningkat 1.1 peratus berbanding negatif 3.9 peratus pada November 2024."

Di peringkat global, IPP bagi beberapa negara meningkat pada Disember 2024, termasuk Korea Selatan, China dan Taiwan dengan pertumbuhan yang lebih perlahan dilihat di Amerika Syarikat dan Jepun. Sebaliknya, Singapura dan Vietnam mengalami penurunan yang signifikan dan Thailand pula mengalami penurunan yang marginal pada Disember 2024.

Secara keseluruhan, pada suku tahun keempat 2024, IPP merekodkan pertumbuhan perlahan 3.4 peratus berbanding 3.9 peratus yang direkodkan pada suku tahun ketiga 2024. Pertumbuhan ini disumbangkan oleh sektor Pembuatan dengan pertumbuhan

4.5 peratus (ST3 2024: 5.8%), sektor elektrik merekodkan pertumbuhan 3.1 peratus berbanding 5.0 peratus pada suku tahun sebelumnya. Selain itu, IPP bagi sektor Perlombongan masih merekodkan penurunan 1.1 peratus. Dalam perbandingan suku ke suku, IPP merekodkan 2.0 peratus.


Merumuskan kenyataan beliau, Ketua Perangkawan berkata, “Prestasi IPP pada tahun 2024 mencatatkan pertumbuhan 3.8 peratus berbanding 0.7 peratus pada tahun 2023. Semua sektor merekodkan pertumbuhan positif iaitu indeks Pembuatan 4.4 peratus, indeks Perlombongan 0.7 peratus dan indeks Elektrik 5.6 peratus.”

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 7 Februari 2024


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


**Carta 1: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Malaysia, Disember 2023 -
Disember 2024**




Carta 2: Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponen, Malaysia, Disember 2023 – Disember 2024




**Carta 3: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor, Malaysia
November 2024 dan Disember 2024**




Carta 4: Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Malaysia, Disember 2023 – Disember 2024



Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Malaysia, November 2024 dan Disember 2024



Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Malaysia, November 2024 dan Disember 2024



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 7 Februari 2024

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

7 FEBRUARI 2025



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514, Federal Territory Putrajaya
Telephone no. : 03 - 8090 4681

INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION MALAYSIA DECEMBER 2024

The Industrial Production Index grew by 4.6 per cent in December 2024, fuelled by expansion in all sectors

PUTRAJAYA, 7TH February 2025 – The Industrial Production Index increased by 4.6 percent in December 2024, driven by expansion across all sectors. The Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported in the release of the Industrial Production Index (IPI), Malaysia, December 2024 today. This index consists of three sectors: Mining, Manufacturing, and Electricity.

According to the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Manufacturing which comprises of 68.3 per cent of total index, increased by 5.8 per cent, better than the 4.6 per cent recorded in November 2024. At the same time, the Mining sector recovered by recording a positive 0.4 per cent (November 2024: -0.8%). The Electricity sector recorded a growth of 3.5 per cent (November 2024: 3.9%). Comparing with the previous month, the IPI decreased by 0.4 percent from a growth of 0.6 percent in the previous month."

The increase in the manufacturing sector was mainly driven by the expansion in the export-oriented industry at 6.8 per cent, better than the 5.8 per cent recorded in the previous month. This increase was largely supported by double-digit growth in the Manufacturing of computers, electronics, and optical products by 10.1 per cent (November 2024: 10.2%); followed by the Manufacturing of rubber products at 11.9 per cent (November 2024: 9.8%). Additionally, the Manufacturing of coke and refined petroleum products expanded by 3.0 percent (November 2024: 1.1%), and the Manufacturing of vegetable and animal oils and fats grew by 5.3% (November 2024:

3.6%). On a month-to-month comparison, the export-oriented industry decreased by 2.4 percent from a growth of 0.3 percent in November 2024.

Meanwhile, the domestic-oriented industry increased by 3.7 percent, better than the 2.2 percent in November 2024. This growth was contributed by the Manufacturing of processed food products; and the Manufacturing of fabricated metal products except machinery and equipment, which recorded increases of 8.5 percent and 6.0 percent respectively. Additionally, the Manufacturing of beverages increased with double-digit growth of 11.8 percent (November 2024: 9.8%). Compared to the previous month, the domestic-oriented industry decreased by 0.4 percent (November 2024: 2.6%).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added, "Production in the Mining sector recovered by 0.4 percent in December 2024, influenced by a 5.5 percent increase in the Natural Gas index (November 2024: 1.2%), while the Crude Oil and Condensate index shrank by 7.0 percent (November 2024: -3.8%). Compared to the previous month, the Mining index increased by 4.0 percent compared to the 0.2 percent recorded in November 2024. Meanwhile, electricity generation grew by 3.5 percent year-on-year in December 2024 after registering 3.9 percent in the previous month. Compared to November 2024, the Electricity index rose again by 1.1 percent compared to negative 3.9 percent in November 2024."

At the global level, the IPI for several countries increased in December 2024, including South Korea, China, and Taiwan, with slower growth observed in the United States and Japan. Conversely, Singapore and Vietnam experienced significant declines, and Thailand saw a marginal decline in December 2024.

Overall, in the fourth quarter of 2024, the IPI recorded slow growth of 3.4 percent compared to 3.9 percent recorded in the third quarter of 2024. This growth was contributed by the Manufacturing sector with a growth of 4.5 percent (Q3 2024: 5.8%), and the Electricity sector recorded a growth of 3.1 percent compared to 5.0 percent in the previous quarter. Additionally, the IPI for the Mining sector still recorded a decline of 1.1 percent. In a quarter-to-quarter comparison, the IPI recorded 2.0 percent.

Summarizing his statement, the Chief Statistician said, "The performance of the IPI in 2024 recorded a growth of 3.8 percent compared to 0.7 percent in 2023. All sectors

recorded positive growth, namely the Manufacturing index at 4.4 percent, the Mining index at 0.7 percent, and the Electricity index at 5.6 percent."

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogs and visualizations to facilitate users in analyzing various data, accessible through the portal <https://open.dosm.gov.my>.

The Malaysian government has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. The theme for the MyStats Day celebration is "Statistics: The Essence of Life."

Chart 1: Industrial Production Index, Malaysia, December 2023 – December 2024




Chart 2: Industrial Production Index and Components, Malaysia, December 2023 – December 2024




Chart 3: Manufacturing Index Growth by Subsector, Malaysia, November 2024 and December 2024




Chart 4: Manufacturing Index by Export and Domestic Oriented Industries, Malaysia, December 2023 – December 2024




Chart 5: Manufacturing Export-Oriented by Group, Malaysia, November 2024 and December 2024





Chart 6: Manufacturing Domestic-Oriented by Group, Malaysia, November 2024 and December 2024



Embargo: Can only be published or disseminated from 12:00 PM, Friday, 7 February 2024

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
7th FEBRUARY 2024